



Perkembangan, kontroversi dan penjelasan program vaksinasi Covid-19

NURHIDAYAH HAIROM | | 02 Oktober 2021



Dr Adham (gambar kecil) mengumumkan bahawa semua negeri telah mencapai 60 peratus populasi dewasa lengkap divaksinasi selepas Sabah merekodkan kadar vaksinasi mencecah 60 peratus pada Jumaat.

SHAH ALAM - Perkembangan proses program vaksinasi Covid-19 dan isu-isu berkaitan dengannya terus menjadi bahan berita utama semalam.

Terbaharu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Dr Adham Baba, mengumumkan bahawa semua negeri telah mencapai 60 peratus populasi dewasa lengkap divaksinasi selepas Sabah merekodkan kadar vaksinasi mencecah 60 peratus pada Jumaat.

Ia sekali gus menjangkakan sasaran 100 peratus vaksinasi lengkap penduduk dewasa seluruh Malaysia hujung bulan ini juga hampir menjadi kenyataan.

Pada masa sama, Dr Adham juga memaklumkan Pasukan Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF) hanya akan beroperasi hingga 31 Oktober ini, dan usaha imunisasi Covid-19 akan dilaksanakan sepenuhnya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mulai 1 November depan.

Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bukan kesihatan yang diuruskan CITF kini telah mula ditutup secara berperingkat di seluruh negara dan dijangkakan tiada lagi PPV bukan kesihatan beroperasi selepas 31 Oktober.

Selain itu, tumpuan tentunya terarah kepada program vaksinasi melibatkan remaja berusia 12 tahun ke atas.

KKM dilapor meluluskan secara bersyarat penggunaan vaksin CoronaVac kepada golongan yang berumur 12 tahun dan ke atas.

Keputusan itu diberikan dalam Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke-364 yang bersidang pada Jumaat sebagaimana dinyatakan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam satu kenyataan.

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/164653/KHAS/Covid-19/Perkembangan-kontroversi-dan-penjelasan-program-vaksinasi-Covid-19>

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karang kraf